

Peluang menawan Gunung Kinabalu

► Program disertai 105 orang termasuk 18 ahli PPUMS dan UMS

UB 15.1.2015 B1

Oleh S.CONNIE
PEARL SUIL

PROGRAM 'IM4U Mount Kinabalu Climb for Charity and Spirituality 2015' memberi peluang kepada pelajar Universiti Malaysia Sabah (UMS) merasai pengalaman pendakian gunung buat pertama kalinya.

Presiden Persatuan Pegawai Pengurusan dan Profesional Bukan Akademik UMS (PPUMS) Zawawi Tiyunin berkata, pelajar UMS yang terpilih adalah terdiri daripada anak yatim piatu dan belum pernah merasai pengalaman mendaki Gunung Kinabalu.

"Program seumpama ini bukan sahaja membantu pelajar menjana pemikiran dan fizikal yang cerdas tetapi membantu mereka terus maju dalam pembelajaran akademik masing-masing."

"Pihak UMS bersama PPUMS amat teruja untuk

" Kami akan terus menyokong program sebegini terutamanya yang melibatkan pelajar UMS agar generasi akan datang ini mempunyai pengalaman yang boleh membantu mereka terus maju di hadapan."

ZAWAWI TIYUNIN
Presiden PPUMS

menjayakan program yang julung kalinya dibuat di Sabah yang bertemakan 'Program amal dan Spiritual', katanya dalam ucapannya pada majlis perasmian program itu di dataran Dewan Canselor UMS, kelmarin.

Menurut Zawawi selain pelajar UMS, program itu turut disertai oleh peserta dari seluruh Malaysia iaitu kira-kira 105 orang termasuk 18 ahli PPUMS dan UMS.

Beliau berkata, program yang bermula pada 14 hingga 16 Januari ini, bukan sahaja menitikberatkan dari segi kerohanian, pendakian untuk kesihatan tetapi juga

meningkatkan jati diri.

"Kami akan terus menyokong program sebegini terutamanya yang melibatkan pelajar UMS agar generasi akan datang ini mempunyai pengalaman yang boleh membantu mereka terus maju di hadapan," katanya.

Dalam pada itu, program anjuran Kelab Eksplorasi 7 Benua Malaysia (KE7B) itu ditaja oleh IM4U, DRB-HICOM, Pearl Haya, UMS dan PPUMS.

Hadir sama, Setiausaha Politik Ketua Menteri Sabah merangkap Exco Pemuda Umno Malaysia Armizan Mohd Ali dan tetamu kehormat lain merakamkan gambar kenangan bersama peserta program sebelum bertolak ke Kundasang.



(Gambar atas)
ZAWAWI (tiga kiri), **Armizan** (enam kiri) dan tetamu kehormat lain merakamkan gambar kenangan bersama peserta program sebelum bertolak ke Kundasang.